



**UCAPAN
YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**SESI DIALOG YB MENTERI MENGENAI KONFLIK MANUSIA DAN
GAJAH DI JOHOR**

**20 MEI 2025 (SELASA)
BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR JOHOR**

Bismillahirrahmanirrahim

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam Malaysia Madani***

YANG BERHORMAT TUAN LING TIAN SOON

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor

YANG BERUSAHA PUAN NORSHAM BINTI ABDUL LATIP

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

YANG BERBAHAGIA DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM

Ketua Pengarah

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

Semenanjung Malaysia

Dif-dif jemputan

Yang Berbahagia Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT kita dapat bersama dalam Sesi Dialog YB Menteri Mengenai Konflik Gajah dan Manusia pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas inisiatif dan tindakan proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor dalam menganjurkan sesi ini.
2. Sesi seperti ini sangat penting untuk kita sama-sama berbincang dan mencari jalan penyelesaian terbaik dalam menangani konflik antara manusia dan hidupan liar di Malaysia, terutamanya isu gajah yang berlaku di Johor.
3. Pendekatan yang lebih berkesan amat diperlukan memandangkan konflik antara manusia dan hidupan liar, khususnya yang melibatkan Kera, Gajah, Babi Hutan, Harimau Malaya dan Tapir, telah menunjukkan peningkatan ketara dengan sebanyak 66,825 aduan direkodkan dari tahun 2020 hingga 2024.. Anggaran jumlah kerugian akibat serangan hidupan liar sepanjang tempoh tersebut adalah sebanyak RM46.5 juta. Di Negeri Johor, sebanyak 7,996 aduan konflik hidupan liar telah direkodkan dari tahun 2020 hingga 2024 dengan jumlah kerugian sebanyak RM6.88 juta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Baru-baru ini, pada 14 Mei 2025 di Kilometer 50, Jalan Johor Bahru – Mersing, sepasang suami isteri nyaris maut apabila kenderaan yang dinaiki mereka melanggar seekor gajah. Kejadian ini berlaku hanya selang beberapa hari selepas insiden tragis seekor anak

gajah yang mati dilanggar lori di Jalan Raya Timur Barat Gerik - Jeli pada 11 Mei 2025. Insiden yang berlaku pada Hari Ibu itu sangat menyentuh perasaan rakyat Malaysia kerana ia menunjukkan kesedihan, kesetiaan dan kasih sayang ibu gajah kepada anaknya yang telah mati. Kejadian-kejadian sebegini mengingatkan kita bahawa konflik ini bukan sahaja merosakkan harta benda, malah turut mengancam nyawa manusia dan hidupan liar.

5. Gajah merupakan spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Spesies ini memerlukan kawasan keliaran yang luas di antara 10 kilometer persegi sehingga 250 kilometer persegi. Kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN pada tahun 2016 mendapati kawasan keliaran gajah telah berkurangan sebanyak 68% sehingga menyebabkan habitat mereka terganggu.
6. Keperluan makanan seekor gajah pula adalah di antara 150 kilogram hingga 200 kilogram sehari yang memerlukan gajah terus bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mencari makanan. Konflik manusia dan gajah sebenarnya berlaku disebabkan oleh kehilangan habitatnya akibat perubahan guna tanah untuk aktiviti-aktiviti pertanian, perladangan serta pembangunan infrastruktur linear seperti jalan raya, empangan, penempatan manusia dan perbandaran. Konflik ini menyebabkan kemusnahan tanaman pertanian dan harta benda, kecederaan serta kehilangan nyawa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kita semua perlu bertekad dan memperkukuh kerjasama dalam menangani konflik antara manusia dan hidupan liar. Sehubungan itu, saya menyambut baik dan amat menghargai inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam menubuhkan Jawatankuasa Khas (*Taskforce*) Konflik Manusia dan Gajah Negeri Johor, yang akan dilancarkan pada hari ini.
8. Saya dimaklumkan Jawatankuasa Khas Konflik Manusia dan Gajah Negeri Johor akan menyelaraskan tindakan pengurusan konflik gajah dan manusia di Negeri Johor secara bersepadu dan sistematik. Bagi saya ia merupakan langkah strategik ke arah meningkatkan keberkesanan dalam usaha-usaha menangani konflik manusia dan gajah. Pengurangan konflik ini secara tidak langsung akan meningkatkan hasil produktiviti tanaman pertanian dan pendapatan penduduk setempat, menjamin kesejahteraan rakyat serta memastikan kelestarian khazanah biodiversiti negara sentiasa terpelihara.
9. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha bagi menangani konflik manusia dan gajah antaranya seperti berikut:
 - (i) menubuhkan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) di Lanchang, Pahang bagi menyelaraskan tindakan pengurusan konflik gajah di seluruh Semenanjung Malaysia;

- (ii) menubuhkan santuari gajah bagi mengurangkan konflik manusia dan gajah seperti Santuari Gajah Johor (JES) dan Pusat Konservasi Gajah Sungai Deka, Hulu Terengganu;
- (iii) menjalankan aktiviti pemantauan dan kawalan apabila menerima aduan daripada orang ramai;
- (iv) menjalankan aktiviti tembak halau bagi menakutkan gajah dan menghalau gajah kembali ke dalam hutan. Operasi tangkapan dan pemindahan gajah ke habitat yang lebih sesuai turut dilaksanakan jika semua usaha yang munasabah telah dijalankan kerana ia melibatkan kos operasi yang tinggi;
- (v) menjalankan program pemantauan pergerakan kumpulan gajah secara pemasangan kolar satelit sebagai sistem amaran awal (*early warning system*);
- (vi) membangunkan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) terutamanya di kawasan kampung atau pertanian tradisional yang berdekatan dengan habitat utama gajah
- (vii) membangunkan *National Elephant Conservation Action Plan* (NECAP) sebagai garis panduan dan rujukan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam pengurusan gajah di Semenanjung Malaysia;
- (viii) menjalankan program kesedaran awam dan libat urus dengan pemegang taruh yang terlibat; dan

- (ix) memasang papan tanda amaran di kawasan *hotspot* lintasan gajah bagi mengurangkan risiko berlakunya *roadkill*.
- 10. NRES melalui Jabatan PERHILITAN, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan *Sarawak Forestry Corporation* turut melaksanakan inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT) pada tahun 2024 sebagai satu bentuk bantuan kepada kumpulan sasar yang terjejas dan mengalami kerugian harta benda akibat konflik hidupan liar. Sehingga kini, seramai 246 pemohon telah menerima manfaat daripada inisiatif ini dengan jumlah bantuan sebanyak RM978,000.00.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 11. Pengurusan konflik manusia dan gajah secara lebih cekap dan berkesan memerlukan kerjasama semua pihak khususnya Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini kerana Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hutan yang menjadi habitat utama gajah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
- 12. Antara tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan bagi mengukuhkan usaha untuk menangani konflik manusia dan gajah adalah seperti berikut:
 - (i) melaksanakan penyambungan habitat hidupan liar terutamanya gajah seperti mana dicadangkan di dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS);

- (ii) mewujudkan koridor gajah terutamanya di kawasan yang berdekatan dengan habitat gajah termasuk kawasan perladangan, tanah persendirian dan tanah berhutan;
 - (iii) menggalakkan kerjasama antara syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit untuk mewujudkan rangkaian mini koridor di dalam kawasan ladang untuk gajah bergerak; dan
 - (iv) menggalakkan penanaman sumber makanan gajah terutamanya di kawasan koridor yang dikenal pasti bagi mengurangkan kebergantungan gajah kepada kawasan pertanian.
13. Saya mengharapkan agar penubuhan Jawatankuasa Khas Konflik Manusia dan Gajah Negeri Johor akan memperkukuh komitmen serta mempererat kerjasama semua pihak berkepentingan dalam usaha menyelesaikan konflik manusia dan gajah di negeri ini.
14. Akhir sekali, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Jawatankuasa Khas Konflik Manusia dan Gajah Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.